

20 JUN 2003

Mahathir-Etika

ETIKA SAJA TAK MEMADAI HALANG PERPECAHAN PARTI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata etika pemilihan dalam Umno tidak akan membawa apa-apa makna sekiranya ia tidak dipraktikkan oleh anggota.

Presiden Umno berkata, walaupun parti sedang memikirkan cara untuk memperbaiki etika pemilihan yang sedia ada tetapi sekiranya ia tidak dipraktikkan, maka ia tidak berguna juga kerana tidak boleh mengatasi masalah perpecahan di dalam parti.

"Etika sahaja kalau tak praktik tak kena juga. Jadi kena ada cara-cara tertentu," katanya pada persidangan media di akhir hari kedua Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan yang dibangkitkan semasa perbahasan pada perhimpunan itu supaya Umno mengkaji semula etika pemilihan bagi memastikan pertandingan parti tahun depan tidak menyebabkan perpecahan teruk.

Ditanya kemungkinan Umno akan meminda perlembagaan parti untuk menghadkan tempoh jawatan presiden kepada beberapa penggal sahaja, Dr Mahathir berkata: "Kita punya perpaduan bukan berasas pada undang-undang semata-mata tetapi etika kita dan saya percaya bahawa etika Umno memadai untuk memastikan bahawa Presiden boleh lama atau tidak."

Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Kalau pendek sangat, saya tak ada peluanglah. Beginilah, jika anda tak suka semasa tempoh saya, anda pendekkan. Bayangkan banyak mana yang boleh saya lakukan jika ia dipendekkan."

Menjawab soalan lain, beliau berkata apabila seseorang memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, jawatan Timbalan Presiden Umno tidak dipertandingkan pula merupakan suatu tradisi.

"Itu tradisi, kita tak buat undang-undang. Memadai ia jadi satu tradisi sahaja,"

Mengenai cadangan seorang perwakilan semasa perbahasan di persidangan tahunan Pergerakan Pemuda supaya orang Melayu menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang bagi membela nasib kaum itu, Dr Mahathir berkata:

"Kita bagi orang Melayu di Kelantan pun tak terbela juga. Bukan soal orang tetapi soal macam mana kita uruskan kerja-kerja kita. Kita boleh fikir macam mana nak jaga nasib orang Melayu di Pulau Pinang."

-- BERNAMA

JM ZS MOZ